

PENYEDIAAN BAHAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU YANG BERMUTU: PENERAPAN TEORI LINGUISTIK

OLEH

ZULKIFLEY HAMID

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU

Pengenalan

Teori adalah ibarat kompas atau penunjuk yang memberitahu kita arah yang seharusnya diambil dalam proses merancang dan melaksanakan sesuatu program akademik. Tanpa teori, kita akan kehilangan arah dalam menentukan apakah tindakan yang terbaik yang boleh kita ambil dalam menjayakan sesuatu misi atau objektif pengajaran. Oleh itu, teori yang berwibawa harus dijadikan teras dalam merancang sesuatu program akademik yang penting. Makalah ini akan membincangkan secara mendalam peranan teori, khususnya teori linguistik dalam proses menyediakan bahan pengajaran untuk program pendidikan bahasa Melayu.

Sesuatu program pendidikan bahasa yang berjaya ialah program yang telah dapat dirangkai dengan teliti dan dilaksanakan secara bersistem, berhemat dan bertanggungjawab. Dalam proses merancang dan melaksanakan sesuatu program pendidikan bahasa, pelbagai faktor atau pemboleh ubah harus diambil kira, iaitu setiap pemboleh ubah perlu dikaji dan dikenal pasti kesannya. Pelbagai pemboleh ubah boleh memberikan pelbagai kesan sama ada secara terus atau tidak terus.¹ Sebagai contoh, pendekatan dan kaedah pengajaran yang dipilih akan mempengaruhi secara terus pelaksanaan sesuatu program pendidikan bahasa, manakala pemilihan bahan pengajaran boleh mempengaruhi prestasi kebahasaan seseorang pelajar dalam komunikasi hariannya. Apa yang pasti, dalam kita membuat keputusan untuk memilih apa yang terbaik untuk sesuatu program atau pakej pendidikan bahasa, teorilah yang

¹ Sila lihat Brown (1980:1) dan Barbisan & Rodriguez (dlm. Hill & Holden, 1988:122) untuk perbincangan lanjut tentang faktor-faktor atau pemboleh ubah-pemboleh ubah yang sentiasa mempengaruhi sesuatu program pendidikan bahasa, khususnya dalam program pendidikan bahasa sebagai bahasa kedua.

harus menjadi pegangan atau panduan kita. Makalah ini akan cuba membincangkan perkara ini.

Perancangan dan Impaknya

Kecuaian dalam merancang dan melaksana sesuatu program pendidikan bahasa akan mengakibatkan petaka yang besar. Malapetaka yang tidak dapat kita duga sama sekali. Petaka yang dapat menggoncang sistem pendidikan negara kita dan struktur kehidupan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2000 hampir 50 000 pelajar hanya mendapat penyata keputusan sahaja dan tidak layak mendapat sijil kerana tidak lulus mata pelajaran Bahasa Melayu. Keputusan yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan pada 27 Februari 2001 telah menggemparkan negara kita buat seketika (Utusan Malaysia, 1 Mac 2001). Kegagalan ini melibatkan semua etnik dan semua golongan pelajar, iaitu para pelajar yang dikategorikan sebagai pandai, sederhana dan lembam. Bahkan, para pelajar Melayu yang dapat kita kategorikan sebagai golongan pelajar yang berkebolehan tinggi pun ramai yang kandas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.²

Kegagalan para pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tentu sekali merungsingkan rakyat yang prihatin terhadap kesentosaan, kestabilan dan kelestarian negara kita Malaysia. Kerisauan ini adalah kerana bahasa Melayu merupakan alat perpaduan yang utama dan tunggak dalam pembentukan jati diri rakyat Malaysia. Tanpa sumbangan bahasa Melayu, Malaysia mungkin sudah lama porak peranda dan rakyat negara ini hilang jati dirinya.³ Bahasa Melayu ialah bahasa penyatuan rakyat, bahasa ilmu dan alat komunikasi dalam pelbagai bidang kehidupan rakyat Malaysia,

² Banyak kajian yang menyokong kenyataan ini. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Awang Sariyan (1984:218) mendapati beribu-ribu pelajar Melayu yang cemerlang gagal mendapat pangkat pertama dalam peperiksaan SPM semata-mata kerana mereka gagal memperolehi kredit dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

³ Pandangan ini adalah berasaskan pendapat beberapa tokoh dalam bidang falsafah bahasa. Mereka menganggap bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat, tetapi turut berfungsi sebagai penuntun pemikiran bangsa. Sila lihat Syed Muhammad Naguib (1990:39).

antara lain dalam bidang pendidikan, kehakiman, ekonomi, politik, kepolisian, ketenteraan hinggalah ke bidang-bidang sosial dan aktiviti santai.

Kegagalan para pelajar boleh berpunca daripada pelbagai sebab, dan ia boleh merupakan faktor-faktor di tahap perancangan ataupun pelaksanaan.⁴ Di peringkat pelaksanaan, ia mungkin berpunca daripada penentuan kaedah dan fokus pengajaran yang kurang sesuai, dan hal ini boleh berlaku akibat daripada kelalaian bahagian kurikulum dan peperiksaan atau juga mungkin berpunca daripada kualiti latihan guru (peringkat diploma dan ijazah) yang kurang cemerlang.

Di peringkat pelaksanaan pula, punca kegagalannya mungkin terletak pada kekaburan guru tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Guru kurang jelas tentang apa yang harus diajar dan bagaimana bahan bahasa hendak disampaikan kepada para pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang bahasa. Guru tidak pasti, sama ada bahasa Melayu hendak diajar berteraskan prinsip pengkayaan atau prinsip pembentukan biasaan (Farid 1989). Dengan kata lain, guru tidak jelas tentang peranan bahasa dalam kehidupan bermasyarakat yang multi etnik, multi budaya, multi pandangan dunia dan pelbagai kemultian lain.

Untuk mengelak kegagalan daripada berulang, pelbagai aspek yang berkaitan dengan pendidikan bahasa Kebangsaan harus diteliti dan diperbaiki. Dalam makalah ini satu aspek yang paling utama akan diteliti dan dinilai. Kita akan cuba menghuraikan dan membincangkan apakah bahan pengajaran bahasa yang terbaik, dan kita juga akan menilai apakah pula kekangan-kekangan yang mungkin wujud dalam proses mencapai yang terbaik.

Teori dan Pengaplikasiannya dalam Penyediaan Bahan Pengajaran Bahasa

Makalah ini akan cuba mengkonsepsikan bahan yang terbaik untuk program pendidikan bahasa Melayu berasaskan kesepakatan pandangan pakar. Dengan kata

⁴ Perancangan program pendidikan bahasa Melayu menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Pendidikan, khususnya bahagian kurikulum, latihan guru dan buku teks. Pelaksana di sini dirujuk kepada pentadbir sekolah dan guru.

lain, kita akan mengukur kewajaran dan ketepatan pengkonsepsian sesuatu aspek atau pemboleh ubah berasaskan resensi terhadap pelbagai hipotesis dan teori yang ada. Aspek utama yang akan dinilai ialah bahan pengajaran bahasa Melayu.

Tujuan sesuatu program pendidikan bahasa dibentuk dan dilaksana adalah untuk menyampaikan pengetahuan bahasa yang menyeluruh dan sempurna kepada para pelajar yang mengikuti program tersebut. Pengetahuan bahasa yang menyeluruh ialah pengetahuan bahasa yang dapat menjadikan seseorang pelajar itu pengguna bahasa yang berkesan bagi kedua-dua aspek lakuan bahasa, iaitu dalam proses penghasilan output bahasa dan juga dalam proses pemahaman input bahasa. Keberkesanan penggunaan merujuk ketepatan nahu dan ketrampilan penggunaan. Dengan kata lain, ia merangkumi kedua-dua aspek, iaitu kejelasan maklumat yang disampaikan dan kebolehterimaan para penerima input terhadap output yang dihasilkan oleh penutur/penulis (Gumperz 1974; Fasold 1984).

Berdasarkan pandangan di atas, nyata kepada kita bahawa sesuatu program pendidikan bahasa yang baik ialah program yang membekalkan para pelajar dengan pengetahuan bahasa yang dapat memungkinkan seseorang pelajar memahami input dan menghasilkan output bahasa dengan sempurna. Ini bermaksud, kurikulum yang dirancang haruslah kurikulum yang menyeluruh. Pandangan ini sejajar atau bertepatan dengan pandangan kebanyakan ahli linguistik. Sebagai contoh, De Saussure telah mentakrifkan pengetahuan bahasa sebagai suatu entiti yang utuh atau menyeluruh, iaitu sebagai entiti yang terdiri daripada dua komponen pengetahuan, iaitu pengetahuan tentang *langue* dan pengetahuan tentang *parole*. *Langue* merujuk pengetahuan tentang sistem formal sesuatu bahasa, iaitu sistem fonologi, morfologi dan sintaksis, manakala *parole* merujuk pengetahuan tentang cara berbahasa atau cara menyampaikan pandangan dalam keperihaln keadaan yang berbagai-bagai. Dapatlah kita katakan bahawa menurut pandangan atau teori linguistik yang telah dikemukakan oleh De Saussure, pendidikan bahasa yang menyeluruh ialah program pendidikan bahasa yang merangkumi kedua-dua aspek pengetahuan bahasa, iaitu aspek-aspek yang berkaitan dengan peraturan formal atau sistem formal sesuatu bahasa, dan juga

aspek-aspek yang berkaitan dengan peraturan penggunaan bahasa dalam situasi yang berbagai-bagai.

Kalau kita menilai pandangan atau teori yang dikemukakan tokoh linguistik abad ke-20 yang paling berpengaruh, iaitu Noam Chomsky, kita akan menjurus kepada pandangan yang hampir sama. Kita akui bahawa Chomsky merupakan seorang ahli linguistik yang memberi fokus kepada sistem formal bahasa, khususnya komponen sintaksis. Walaupun demikian, dia tidak dapat mengelak daripada bersetuju bahawa bahasa itu tidak hanya terdiri daripada sistem formal sahaja kerana bahasa juga harus dilihat daripada aspek psikososialnya atau budaya berbahasanya. Bahasa tidak dapat lari daripada aspek pengguna dan situasi penggunaannya, dan apabila proses komunikasi dan pengguna diambil kira, bahasa akan melibatkan juga aspek *parole*, sepertimana yang telah disebutkan dalam bahagian-bahagian di atas.

Menyedari hakikat ini, Chomsky sendiri terpaksa mengakui bahawa bahasa memang terdiri daripada dua komponen pengetahuan, dan Chomsky menamakan dua komponen pengetahuan atau kecekapan bahasa ini sebagai kecekapan linguistik dan kecekapan pragmatik.⁵ Bagi Chomsky, kecekapan linguistik merujuk sistem formal sesuatu bahasa dan kecekapan pragmatik merujuk peraturan sosial atau kemasyarakatan yang harus dipatuhi oleh seseorang pengguna bahasa semasa menggunakan bahasa dalam situasi yang berbagai-bagai, dan dengan tujuan yang berbagai-bagai pula.

Seorang lagi tokoh yang ingin dibicarakan di sini ialah Widdowson, iaitu penulis buku yang bertajuk *Teaching Language as Communication* yang telah diterbitkan pada tahun 1979. Pada hemat saya, Widdowson seorang yang penting dalam bidang linguistik dan pedagogi bahasa. Pandangan atau teori yang telah dikemukakan olehnya telah dijadikan prinsip atau falsafah yang menunjangi Kaedah Komunikatif dalam pendidikan bahasa, dan kaedah ini menjadi kaedah utama atau teras dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan bahasa, khususnya di

⁵ Untuk mendapatkan gambaran yang lebih lanjut tentang pandangan Chomsky berhubung dengan kedua-dua komponen pengetahuan bahasa, sila lihat karya Rudolf P. Botha (1990:75) bertajuk *Challenging Chomsky: The Generative Garden Game..*

Malaysia, sama ada pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama atau pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, termasuk juga pendidikan bahasa-bahasa lain.

Menurut Widdowson, pengetahuan bahasa dapat ditakrifkan sebagai terdiri daripada dua jenis pengetahuan yang saling melengkapi, iaitu *use* dan *usage*. *Use* merujuk pengetahuan tentang aspek-aspek kenahuan yang terdapat dalam sesuatu bahasa, manakala *usage* merujuk pengetahuan tentang cara berkomunikasi yang berkesan dalam situasi penggunaan bahasa yang sebenar. Bagi Widdowson dan mereka yang mendokong pandangannya, pengetahuan tentang *use* yang tidak disertai dengan pengetahuan tentang *usage* tidak mungkin menjadikan seseorang pelajar itu pengguna bahasa yang berkesan, iaitu pengguna yang mampu mengutarakan pandangan atau hasratnya secara berkesan.

Daripada pelbagai pandangan yang telah dikemukakan dalam bahagian ini dapat kita merumuskan bahawa sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa akan hanya dapat menjadi program yang berkesan, bermanfaat dan berfungsi apabila program tersebut merangkumkan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa, iaitu sistem nahunya dan aspek keberkesanan penggunaannya. Ini disebabkan kedua-dua bentuk pengetahuan bahasa ini diperlukan dalam proses lakuan bahasa yang berkesan, sama ada dalam proses penghasilan output atau pemahaman input bahasa.

Pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam bahagian-bahagian di atas memperlihatkan kepada kita bahawa kurikulum sesuatu program pendidikan bahasa yang terbaik ialah sebuah kurikulum yang merangkumkan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa secara utuh dan seimbang. Pada hemat saya, kedua-dua bentuk pengetahuan ini dapat kita takrifkan sebagai dua bentuk peraturan, iaitu peraturan sintagmatik dan paradigmatic. Sintagmatik merujuk peraturan penyusunan bahan bahasa secara *linear* atau mandatar, manakala paradigmatic pula merujuk ketrampilan para pengguna bahasa memilih output bahasa yang paling sesuai untuk digunakan dalam keperihaln keadaan tertentu untuk memenuhi tujuan komunikasi yang khusus.

Berdasarkan kenyataan di atas, dapatlah kita katakan bahawa bahan pengajaran bahasa yang terbaik adalah bahan yang dapat menyediakan para pelajar dengan pengetahuan tentang peraturan sintagmatik dan paradigmatic, iaitu kemahiran nahu dan kemahiran memilih bahan yang bersesuaian dengan sesuatu suasana komunikasi. Pengetahuan bahasa yang menyeluruh ialah pengetahuan yang akan memungkinkan seseorang pengguna bahasa membentuk kata, frasa dan ayat yang gramatis, dan juga kemahiran untuk menentukan pilihan yang tepat bagi membolehkan seseorang pengguna bahasa menyatakan sesuatu maksud secara wajar.

Daripada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam bahagian-bahagian di atas, jelas kepada kita bahawa program pendidikan bahasa yang terbaik merangkumkan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa. Walaupun pentakrifan ini kita yakini sebagai benar, dan kita juga meyakini bahawa keperluan kepada kedua-dua komponen pengetahuan bahasa ini sebagai *sine qua non* dalam mewujudkan golongan rakyat Malaysia yang dapat berbahasa Melayu secara jelas dan harmoni, tetapi usaha ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang dapat memenuhi kualiti berbahasa yang baik ini masih belum begitu jelas.⁶

Perbincangan

Faktor utama yang menghambat pewujudan masyarakat yang dapat berbahasa Melayu secara jelas dan harmoni ini adalah sikap para perancang program pendidikan bahasa itu sendiri. Sebahagian besar para perancang mentakrifkan sistem bahasa itu sebagai sistem nahu. Dengan kata lain, mereka menyamakan nahu dengan bahasa, dan mereka terus mengandaikan bahawa apabila sistem formal sesuatu bahasa telah dikuasai, telah sempurnalah proses pendidikan bahasa. Pemikiran yang sebegini merupakan pemikiran yang terlalu dipermudahkan, sedangkan bahasa merupakan suatu entiti yang terangkum juga di dalamnya peraturan-peraturan bersosialisasi atau budaya berbahasa yang telah termaktub secara utuh dan jelas.

⁶ *Sine qua non* ialah frasa daripada bahasa Latin. Ia bermaksud, sesuatu faktor itu merupakan syarat utama yang harus ada, dan kalau syarat atau faktor itu tiada, perkara yang dihajati tidak akan berlaku.

Rumus nahu dapatlah kita samakan seperti jadual sifir kali dalam ilmu matematik. Jadual sifir kali amat penting dalam ilmu matematik, tetapi jadual sifir kali ini bukanlah segala-galanya dalam lakuan atau aktiviti mendarab. Dengan lain perkataan, jadual sifir kali akan memberi manfaat kepada pengguna apabila jadual sifir kali ini dapat membantu penghafal jadual sifir kali menyelesaikan pelbagai masalah matematik. Begitu jugalah dengan rumus nahu, ia hanya bermanfaat apabila rumus-rumus nahu boleh menjadikan seseorang pengguna bahasa pengguna yang trampil.

Jadual sifir kali sahaja tidak mungkin dapat menjadikan seseorang itu pengira yang baik kerana jadual sifir kali ialah rumus yang terbatas, sedangkan kiraan matematik tidak terbatas. Jadual sifir kali tidak dapat memberikan jawapan kepada masalah kali yang besar seperti 1305×897 kerana ia hanya terhad kepada sifir kali 2 hingga 12. Sungguhpun begitu dengan pengetahuan pengendalian jadual sifir kali, jawapan boleh diperolehi. Apa yang cuba ditegaskan di sini ialah nahu juga memerlukan pengetahuan lain untuk membolehkan seseorang pengguna bahasa menjadi pengguna bahasa yang trampil.

Di samping itu, pengetahuan bahasa juga merangkumi pengetahuan tentang sistem sapaan, hirarki atau status penutur-pendengar, tahap keformalan sesuatu lakuan atau fenomena kebahasaan dan ia juga melibatkan unsur sosial, psikologi atau akal budi, sistem masyarakat, sistem nilai dan sebagainya. Pengguna juga perlu mengetahui apa yang disenangi dan yang menjadi tabu dalam proses komunikasi. Semua pengetahuan inilah yang membentuk atau menentukan darjah kecekapan berbahasa seseorang pengguna bahasa.

Seperti mana pengguna jadual sifir kali yang memerlukan pengetahuan tentang cara mengendalikan jadual sifir kali, begitu jugalah para pengguna bahasa memerlukan pengetahuan yang lain selain daripada pengetahuan nahu untuk melengkapkan keupayaan berbahasa mereka. Kedua-dua bentuk pengetahuan bahasa ini adalah bersifat saling melengkapi.

Walau bagaimanapun, amat sayang sekali kerana kita belum mempunyai sebuah buku yang dapat menjadi buku panduan yang baku tentang aspek kecekapan berbahasa ini.⁷ Tanpa buku panduan yang baku tentu sukar bagi para perancang dan pelaksana untuk memprogramkan satu program pendidikan bahasa Melayu yang utuh dan menyeluruh. Dengan demikian, saya mencadangkan dalam kesempatan ini agar sebuah buku panduan kecekapan berbahasa Melayu yang baku ditulis untuk keperluan semua pihak yang terlibat dengan proses pendidikan bahasa di pelbagai peringkat persekolahan daripada peringkat tadika hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Usaha harus kita mulakan agar lowongan yang ada sekarang dapat kita tutup. Jika buku nahu baku, iaitu buku *Tatabahasa Dewan* dapat kita adakan, kita juga harus menghasilkan sebuah karya baku yang serupa untuk aspek kecekapan berbahasa.

Ketakseseimbangan fokus pengajaran di antara aspek nahu dan kecekapan berbahasa bukanlah sesuatu yang remeh tetapi merupakan fenomena ketakseseimbangan yang memberikan implikasi yang amat serius. Untuk menyingkap persoalan ini, saya sendiri telah melakukan beberapa siri penyelidikan.⁸ Dapatan daripada penyelidikan ini memperlihatkan kepada kita ketakseseimbangan yang amat ketara di antara tahap penguasaan pengetahuan nahu dan tahap penguasaan pengetahuan kecekapan berbahasa di kalangan para pelajar.

Beberapa bahagian data daripada penyelidikan ini akan diturunkan dalam bahagian ini untuk memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya perancangan yang teliti dalam pelaksanaan sesuatu program pendidikan bahasa. Ketakseseimbangan dalam perancangan dan pelaksanaan akan mengakibatkan ketakseseimbangan dalam

⁷ Saya tidak menafikan terdapat beberapa buah buku yang berkaitan dengan aspek kecekapan berbahasa telah diterbitkan. Sebagai contoh, Asmah Hj. Omar (1986) telah menerbitkan buku bertajuk *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, manakala Amat Juhari Moain (1989) telah menerbitkan buku berjudul *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Sungguhpun begitu buku-buku ini tidaklah ditulis secara khusus dalam bentuk yang boleh dimanfaatkan oleh guru-guru bahasa Melayu dalam pengajaran di bilik-bilik darjah. Buku-buku ini tidak disasarkan untuk menjadi buku pegangan baku untuk aspek kecekapan berbahasa Melayu. Di samping itu, buku-buku ini hanya menyentuh aspek-aspek yang tertentu sahaja dalam sistem kecekapan berbahasa Melayu.

⁸ Untuk data yang lengkap, sila lihat Zulkifley, Karim & Sa'adiah (1996), Zulkifley (1997) dan Zulkifley (2005). Sila lihat juga perbincangan dalam karya Mohd. Jonit Mohd. Johari & Abdul Rashid Ali (1993).

penguasaan pengetahuan bahasa di kalangan pelajar. Ketakseimbangan yang ketara ini dapat kita lihat berdasarkan data yang dikemukakan dalam bahagian berikut.

Jadual 1 Perbandingan Skor Pencapaian di antara Nahu dan Kecekapan Berbahasa

Peringkat Sekolah	Nahu	Kecekapan Berbahasa
Sekolah Rendah	74.8%	48.5%
Sekolah Menengah	79.3%	61.9%

Data yang dikemukakan di atas merupakan data untuk semua etnik, iaitu data untuk pelajar Melayu dan bukan Melayu dilihat secara menyeluruh. Jika sekiranya, data hanya dikhususkan kepada para pelajar bukan Melayu sahaja, kita akan dapat melihat perbezaan yang lebih ketara di antara skor bahagian nahu dan kecekapan berbahasa. Data ini saya turunkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Perbandingan Skor Pencapaian di kalangan para Pelajar bukan Melayu bagi Skor nahu dan Kecekapan Berbahasa

Peringkat Sekolah	Nahu	Kecekapan Berbahasa
Sekolah Rendah	74.5%	47.9%
Sekolah Menengah	81.3%	58.3%

Jelas dibayangkan daripada data yang telah dikemukakan dalam dua jadual di atas bahawa wujud ketidakseimbangan yang nyata di antara dua komponen pengetahuan bahasa, iaitu pengetahuan nahu dan kecekapan berbahasa, dan fenomena ini pasti mempengaruhi prestasi para pelajar apabila mereka menggunakan bahasa Melayu untuk pelbagai tujuan komunikasi. Sesuatu harus dilakukan segera untuk memperbetulkan kesilapan dalam dasar pendidikan bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan negara kita.

Dalam mengejar arus pemodenan kita tidak harus tersalah tanggap tentang konsep pembinaan negara bangsa. Negara bangsa yang stabil terbina daripada kelompok-kelompok masyarakat yang saling memahami antara satu sama lain. Pergeseran dalam apa bentuk sekalipun pasti membabitkan rasa salah faham, dan seterusnya merenggangkan hubungan antara kaum. Di sinilah peranan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara menjadi amat penting sebagai asas untuk menjalin, mensekusi dan melestarikan hubungan di kalangan rakyat.

Penutup

Apa yang telah saya nyatakan dalam makalah ini merupakan gambaran tentang masa depan negara. Ini disebabkan pelajar masa kini ialah pengganti yang akan meneruskan agenda pembangunan negara pada masa hadapan, sama ada daripada aspek ekonomi, pengetahuan, sosial, budaya dan sebagainya. Mereka dan kita wujud dalam masyarakat yang diwarnai dengan kemuliaan daripada pelbagai aspek.

Kepelbagaian dalam kehidupan masyarakat Malaysia hanya diikat oleh satu kesamaan, iaitu Bahasa Kebangsaan yang sama. Bahasa Melayulah satu-satunya saham yang kita ada untuk mengekalkan integrasi dan integriti nasional. Dengan demikian, saya mencadangkan kurikulum pendidikan bahasa Melayu distrukturkan semula untuk mewujudkan sebuah program yang lebih utuh dan menyeluruh. Program pendidikan bahasa Melayu harus ditangani secara gestalt.

Aspek-aspek yang telah dibincangkan dalam makalah ini dengan jelas membayangkan kepada kita bahawa dalam kita merancang dan melaksanakan sesuatu program akademik kita harus merujuk kepada pakar, iaitu mereka yang pakar dan telah banyak menjalankan penyelidikan dalam bidang tersebut. Hasil penyelidikan mereka biasanya akan mereka rumuskan dalam bentuk teori. Teori inilah yang seharusnya menjadi pedoman paling berharga dalam kita menentukan sesuatu arah untuk sesuatu program akademik yang penting.

Rujukan

- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu: satu analisis sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1986. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 1988. *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Barbisan, C. & Rodriguez, S. 1988. 'Classroom problems and strategies for teaching younger learners'. Dlm. Hill, D. & Holden, S. (pnyt.). *Creativity in language teaching*, hlm. 122-127. London: The Eastern Press Ltd.
- Botha, R. P. 1989. *Challenging Chomsky: the generative garden game*. Massachusetts: Basil Blackwell, Inc.
- Brown, H. D. 1980. *Principles of foreign language learning and teaching*. Englewood Cliffs, N: Prentice Hall.
- Farid M. Onn. 1989. 'Kaedah mengajar pengkayaan bahasa'. Dlm. Azman Wan Chik (pnyt). *Mengajar Bahasa Malaysia Jilid 1: perkaedahan*, hlm. 35-45. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fasold, R. 1984. *The sociolinguistics of society*. New York: Basil Blackwell Inc.
- Gumperz, J. J. 1974. 'Linguistics and social interaction in two communities'. Dlm. Blount, B. G. (pnyt.). *Language, Culture and society*, hlm. 250-266. Cambridge: Winthrop Publishers, Inc.
- Mohd. Jonit Mohd. Johari & Abdul Rashid Ali. 1993. 'unsur Sosiobudaya dalam mata pelajaran bahasa Melayu'. Dlm. Adnan Kamis (pnyt.). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: pandangan dan maklum balas*, hlm. 105-118. Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Safiah Karim et. al. 1996. *Tatabahasa dewan: edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Malaysia. 2001. Pelajar gagal bahasa Melayu boleh ambil kertas Julai. 1 Mac: 1.
- Syed Muhammad Naguib. 1990. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

- Widdowson, H. 1978. *Teaching language as communication*. London: Oxford University Press.
- Zulkifley Hamid, Karim Harun & Sa'adiyah Ma'alip. 1996. 'Tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu para pelajar S. R. K., S. R. J. K. © dan S. R. J. K. (T): satu kajian perbandingan'. Laporan Penyelidikan Projek No. M/10/96. Bangi: FSKK, UKM
- Zulkifley Hamid. 1997. 'Penganalisan kertas soalan peperiksaan UPSR dan SPM: satu kajian kesahan kandungan'. Laporan Penyelidikan Projek No. M/12/96. Bangi: Jabatan Linguistik, UKM.
- Zulkifley Hamid. 2005. *Penilaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.